

# Kemenangan bukti Abdullah pilihan ahli UMNO — Dr. M

UM 2 1 JUL 2004

Oleh NAZERI NONG SAMAH

KUALA LUMPUR 20 Julai — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata kemenangan tanpa bertanding Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Presiden UMNO membuktikan bahawa beliau kini pemimpin pilihan utama majoriti ahli parti.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, sokongan padu yang diterima oleh Abdullah daripada perwakilan UMNO pada persidangan bahagian menunjukkan beliau mampu meneruskan kegemilangan, kemajuan dan perpaduan parti.

“Saya berpuas hati dengan

perkembangan UMNO sekarang dan beliau (Abdullah) boleh menjadi pemimpin yang baik kerana diterima oleh majoriti ahli parti,” katanya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan pada Seminar Kebangsaan Pendidikan Ekonomi anjuran Fakulti Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM) di Hotel Pan Pacific, di sini hari ini.

Beliau mengulas kemenangan tanpa bertanding Abdullah kelmarin selepas memperoleh 174 pencalonan daripada bahagian-bahagian yang telah selesai bersidang.

Untuk menang tanpa bertan-

ding jawatan Presiden, Abdullah memerlukan 134 pencalonan daripada 191 bahagian.

Lawannya, Tengku Razaleigh Hamzah, hanya mendapat satu pencalonan iaitu daripada bahagiannya sendiri, Gua Musang.

## Tradisi

Dr. Mahathir mengingatkan setiap ahli UMNO supaya kekal dengan tradisi berlapang dada menerima kekalahan dalam proses pencalonan dan pemilihan demi keutuhan parti.

“Yang utama dan penting sekali sebarang proses pemilihan hendaklah berjalan dengan licin dan tidak menimbulkan

masalah,” ujar bekas Presiden UMNO itu.

Menurutnya, jika proses pemilihan dibuat secara baik dan tidak ada perasaan kecewa dari mana-mana pihak dan bersedia menerima keputusan, ia akan terus menjamin perpaduan parti.

“Jika pihak yang kalah (di semua peringkat parti) sanggup menerima keputusan, saya fikir tak ada masalah.

“Tetapi yang jadi masalah ialah apabila kalah, maka mereka berasa kecewa dan akan buat macam-macam tuduhan, mungkin juga akan cuba pecah belahkan parti dan ini tidak sepatutnya berlaku,” tegasnya.